

06 APR 2000

Goh-Malaysia

GOH TIDAK SETUJU DENGAN RENCANA STRAITS TIMES SINGAPURA

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 6 April (Bernama) -- Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong berkata, beliau tidak setuju dengan rencana mengenai kepimpinan Malaysia dalam akhbar Straits Times di republik itu baru-baru ini, yang memperkecilkan kepimpinan Malaysia.

Dalam ulasan pertamanya mengenai rencana itu yang telah banyak mencetuskan kritikan di Malaysia, Goh berkata, sama ada beliau ataupun kerajaannya tidak percaya dalam mengutuk Malaysia atau memperkecilkan rakan sejawatannya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Malaysia.

Beliau menyeru media di kedua-dua pihak supaya berhati-hati dalam mengulas mengenai perkembangan di negara yang satu lagi, dan menambah kata Singapura dan Malaysia mempunyai hubungan yang rapat dan saling berkaitan dengan Singapura merupakan pelabur penting di Malaysia.

"Malaysia yang stabil, makmur di bawah Umno yang utuh, Barisan Nasional (BN) dan dengan seorang pemimpin yang kuat juga penting bagi Singapura. Jadi saya tidak langsung bersetuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh Chua Lee Hoong dalam ulasannya," kata beliau selepas merasmikan mesyuarat Menteri-menteri Pendidikan Apec kedua di sini, hari ini.

Ahli-ahli politik Malaysia dan media telah mengutuk tulisan Chua yang membidas Malaysia sebagai satu-satunya kerajaan demokratik di Asia yang tidak menyaksikan perubahan pucuk pimpinan pada dekad lepas dan juga kritikal terhadap dasar-dasar ekonomi Malaysia semasa krisis ekonomi yang melanda rantau di akhir abad lepas

Pandangan Chua yang Dr Mahathir adalah "top dog" Malaysia juga dibidas kerana anjing merupakan binatang yang diharamkan oleh Islam.

"Apa guna kedua-dua pihak terjebak dalam perang media, tiada manfaat bagi Singapura dan Malaysia dan saya meminta akhbar-akhbar Singapura dan Malaysia supaya berhati-hati dalam ulasan mengenai perkembangan di negara yang satu lagi," kata Goh.

Jun lepas, Goh juga telah meminta akhbar-akhbar Singapura supaya berhati-hati dalam mengulas mengenai politik di Malaysia semasa mengkritik lidah pengarang akhbar Business Times di republik itu yang mencadangkan sudah tiba masa bagi Dr Mahathir untuk meletakkan jawatan.

Goh juga berkata, Singapura kecewa kerana Malaysia telah menghantar nota melalui pihak ketiga untuk membantah ulasan akhbar Straits Times itu.

Beliau berkata, terdapat banyak artikel negatif mengenai Singapura dalam akhbar-akhbar di Malaysia dan Singapura terus menulis kepada akhbar-akhbar itu untuk menyiarkan pandangannya.

"Kami memberitahu mereka ini bukan cara menangani isu seperti itu. Dan sudah pasti kita juga menyampaikan kepada mereka nota melalui pihak ketiga menyatakan akhbar-akhbar Malaysia juga banyak bersalah seperti yang mereka dakwa mengenai akhbar Straits Times itu," kata beliau.

Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar membidas laporan akhbar Straits Times itu dan menyifatkannya sebagai usaha masuk campur dalam hal ehwal dalaman Malaysia.

-- BERNAMA

TCL PR